

Mary Victoria Dass

maryvictoria@hmetro.com.my

**Kulai**

**K**ebiasaannya pengurusan asrama akan menyumbang kain dan ibu akan menjahitnya bagi membolehkan kami memakai baju baru pada Aidilfitri seperti insan lain," kata Amirulasyraf Jamhari, 15, yang juga penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam, Kluang.

Amirulasyraf berkata, dia dan dua adiknya yang tinggal di asrama berkenaan sejak lima tahun lalu tidak pernah membebani ibu mereka untuk membelikan baju baru kerana sedar dengan kemampuan wanita berkenaan yang hanya bekerja sebagai guru tadika.

Menurutnya, ibunya Siti Mariam Hussin, 53, hanya berpendapatan sederhana, tetapi perbelanjaan harian turut dibantu beberapa abangnya yang sudah bekerja.

Katanya, dia bersama dua adiknya Amirul Ikmal, 14, dan Nurul Wahedah, 11, tidak pernah mendesak ibu

mereka untuk membeli barang perniagaan Ai-dilfitri kerana memahami keadaan ekonomi keluarga.

"Kami masih tidak dapat melupakan kenangan merakaikan Aidilfitri dalam keadaan ala kadar ketika bapa, Jamhari Kadir, meninggal



PELAJAR UTHM mencubakan baju raya kepada anak yatim.

# Ibu sengkang mata jahit baju

■ **Siapkan kelengkapan raya sembilan anak**

## FAKTA

45 penghuni Rumah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam, Kluang terima tajaan penuntut UTHM

dunia akibat masalah paru-paru berair, enam tahun lalu.

"Bukan mudah untuk ibu menguruskan kami sembilan beradik ketika itu, tetapi dia tetap tabah dan memastikan kami masing-masing berpeluang memakai baju raya.

"Malah, bagi menjimatkan kos, ibu yang memiliki ke-

mahiran menjahit sanggup bersengkang mata menyiapkan baju raya dan kami amat bersyukur memiliki ibu yang penyayang," katanya.

Amirulasyraf antara 45 penghuni Rumah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam, Kluang yang menyertai program tajaan penuntut tahun satu Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

(UTHM) untuk membela di Pasaraya Mydin sini, semalam.

Dia turut melahirkan rasa syukur kerana sambutan Aidilfitri kali ini meriah kerana bukan saja berpeluang untuk memakai baju dijahit ibunya, tetapi dapat membeli baju Melayu yang siap dijahit.

Malah, katanya, dia juga berpeluang memiliki sepasang kasut, songkok dan kain samping.